

28/11/1999

Abu Hassan cabar Ezam

SHAH ALAM: Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar mencabar Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Mohamad Ezam Mohd Nor supaya mendedahkan nama pemimpin Selangor yang didakwa menyalahgunakan kuasa dan mengamalkan rasuah.

"Kalau betul ada penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan, dia (Ezam) boleh lapor kepada polis atau BPR (Badan Pencegah Rasuah). Tidak perlu diheboh-hebohkan," katanya semalam ketika mengulas kenyataan Ezam dalam ceramahnya malam semalam yang menyebut bahawa kalangan pemimpin paling ramai mengamalkan rasuah adalah dari Selangor.

Menurutnya, penyebaran fitnah terhadap pemimpin kerajaan pusat dan negeri oleh parti pembangkang seperti yang dilakukan oleh Ezam, sudah dimaklumi oleh BN termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)